

# **MAJLIS PENGIKTIRAFAN PROJEK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PUSAT SIMULATOR PEJUANG (PSP), PANGKALAN UDARA BUTTERWORTH**

 [airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3341-majlis-pengiktirafan-projek-kumpulan-inovatif-dan-kreatif-kik-pusat-simulator-pejuang-psp-pangkalan-udara-butterworth](http://airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3341-majlis-pengiktirafan-projek-kumpulan-inovatif-dan-kreatif-kik-pusat-simulator-pejuang-psp-pangkalan-udara-butterworth)

KUALA LUMPUR, 13 Apr 18 - Majlis Pengiktirafan Projek Inovatif Dan Kreatif (KIK) Pusat Simulator Pejuang (PSP) iaitu Zenith Energy Current (ZEC) telah telah disempurnakan Panglima Wilayah Udara 1, Mej Jen Datuk Hj Romlee bin Yahaya TUDM. Majlis turut dihadiri Ketua Staf, Brig Jen Dato' Hj Yazid bin Arshad TUDM dan pegawai-pegawai Markas.

Projek ini merupakan projek harapan dan antara projek inovasi berimpak tinggi dibawah naungan Markas ini. Ia berupaya membekalkan kuasa elektrik melebihi 1 jam berbanding UPS biasa. Projek ini dibangunkan secara in-house oleh anggota PSP yang diketuai oleh Pegawai Memerintah PSP, Mej Hairul Zaimy bin Ibrahim TUDM.

Seluruh warga Markas berbangga dengan hasil projek ini dan mengucapkan selamat maju jaya dalam semua pertandingan inovasi yang akan disertai hingga ke peringkat yang lebih tinggi.

